

Gesa Muhyiddin letak jawatan

UM - 30/7/2021 m/s: 3

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu bertanggungjawab atas dakwaan sengaja berbohong kepada Parlimen berkenaan pembatalan ordinan darurat Isnin lalu.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, justeru Muhyiddin dan kabinetnya perlu meletak jawatan.

Menurut ahli Parlimen Langkawi itu, walaupun Muhyiddin tidak membuat pengumuman berkenaan Isnin lalu, beliau perlu bertanggungjawab terhadap kenyataan yang dibuat Menteri di Jabatan Perdana (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

“Beliau tidak berusaha memperbaikinya ketika Takiyuddin membuat pengumuman atau menghentikan Takiyuddin walaupun duduk tepat di depannya. Muhyiddin juga tidak membuat penjelasan pada hari berikutnya.

“Oleh itu, Tan Sri Muhyiddin bertanggungjawab di atas tindakan memalukan ini dan juga anggota Kabinet yang lain. Beliau harus meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan anggota Kabinet mesti mengikutinya,” katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah



AHLI Parlimen diarah menjalani ujian saringan Covid-19 dan tidak dibenarkan keluar daripada kawasan Parlimen pada sidang Dewan Rakyat di Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. - IHSAN PARLIMEN MALAYSIA

Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan rasa dukacita dengan kenyataan dibuat di Parlimen bahawa kerajaan membatalkan semua Ordinan Darurat yang telah dimasyhurkan.

Datuk Pengelola Bijaya Istana Diraja, Datuk Indera Ahmad

Fadil Shamsuddin dalam satu kenyataan berkata, sedangkan pembatalan semua Ordinan Darurat belum mendapat perkenan daripada Seri Paduka.

Beliau berkata, Seri Paduka amat dukacita kerana apa yang telah diperkenan dan dipersestujui sebelum ini dengan Ta-

kiyuddin dan Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun semasa majlis menghadap secara maya pada 24 Julai lalu berkenaan cadangan pembatalan semua Ordinan Darurat dibentang dan dibahaskan di Parlimen bagi tujuan diungkapkan tidak dilaksanakan.